

MITEC hos lapan acara Sukan SEA 2017

KUALA LUMPUR: Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang baharu dibina akan menjadi tuan rumah kepada lapan acara Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 pada Ogos ini.

Ketua Pegawai Oerasi Sekretariat Kuala Lumpur 2017 Shaiful Subhan berkata lapan acara berkenaan ialah gimnastik artistik dan gimrama, lawan pedang, ping pong, bola tampar, angkat berat, hoki dalam dewan, muay thai dan tinju.

Selain itu MITEC juga akan menghoskan tujuh acara Sukan Para ASEAN 2017 iaitu boccia, catur, goalball, ping pong, angkat berat, bola tampar duduk dan bola keranjang berkerusi roda, katanya.

“Berdasarkan apa yang kami lihat hari ini, kami gembira dengan tahap kemajuan kerja-kerja pembinaan dan kami positif semua akan siap menjelang Jun,” katanya kepada pemberita selepas melawat tapak venue di sini kelmarin.

Shaiful berkata acara praujian dijangka diadakan pada pertengahan tahun ini.

“Pembinaan MITEC kini hampir siap dan hanya tinggal kerja-kerja mencantikkan venue untuk penganjuran acara sukan,” katanya.

MITEC yang merupakan hab sukan kedua terbesar untuk temasya ini adalah komponen pertama projek pembangunan KL Metropolis bernilai RM20 bilion yang dijalankan oleh Naza TTDI Sdn Bhd.

Pusat pameran yang mampu menampung 40,000 pelawat pada satu-satu masa itu dilengkapi 11 dewan pameran dengan keluasan lantai kasar sejuta kaki persegi.

Venue utama Sukan SEA 2017 ialah Bandar raya Sukan Kuala Lumpur di Bukit Jalil, diikuti MITEC, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sukan SEA 2017 akan berlangsung dari 19 hingga 31 Ogos manakala Sukan Para ASEAN bermula 17 hingga 23 Sept. -Bernama